

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]

TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi kawasan Kuala Lumpur kepada individu dan syarikat teksi sehingga 2014; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh pihak SPAD bagi mengekang aktiviti segelintir pemandu teksi yang melanggar undang-undang seperti tidak menggunakan meter dan mengenakan caj yang tinggi kepada penumpang terutamanya pelancong asing.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi kawasan Kuala Lumpur kepada individu dan bukan individu sehingga 2014 adalah seperti berikut:

Jenis Pemilikan	Bilangan Permit
<u>Individu:</u>	
- Milikan tunggal	6,157
<u>Bukan Individu:</u>	
(i) Perkongsian	128
(ii) Koperasi	567
(iii) Persatuan	22
(iv) Syarikat	14,427
JUMLAH	21,301

2. Aktiviti penguatkuasaan terhadap semua mod perkhidmatan pengangkutan awam telah dirancang dan dilaksanakan mengikut jadual yang telah disediakan. Untuk aktiviti penguatkuasaan terhadap teksi, aktiviti rondaan, menempatkan anggota secara statik di lokasi terpilih, operasi khas secara penyamaran telah dan akan diteruskan sebagaimana dirancang. Selain itu, operasi bersepadu dengan penglibatan agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan

Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga dilaksanakan. Pada tahun 2015, sebanyak 112 siri Operasi Bersepadu Teksi telah dilaksanakan.

3. Kini, penguatkuasaan terhadap teksi telah ditingkatkan melalui kaedah penyamaran dan tangkapan bagi memastikan pemandu teksi mematuhi Syarat Lesen yang telah digariskan. Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 1,803 pemeriksaan telah dilakukan dan 224 teksi telah disita atas kesalahan Tidak Guna Meter. Pesalah akan diambil tindakan mengikut peraturan sedia ada seperti penggantungan atau pembatalan kad pemandu, penggantungan atau pembatalan lesen dan kompaun.

4. Selain itu, SPAD juga telah melaksanakan sesi dialog dengan Persatuan-Persatuan Teksi bagi mencari jalan untuk mengatasi perlakuan yang tidak bertanggungjawab tersebut. Di samping itu, dari tahun 2014, pemandu Teksi 1Malaysia (TEKS1M) dikehendaki menjalani latihan asas khusus untuk pemandu TEKS1M. Antara modul dalam latihan tersebut adalah penerapan nilai-nilai murni dan etika sebagai seorang pemandu.

Sekian, terima kasih.